

07 NOV 1997

KELUARGA ALLAHYARHAM KONST MOHD ZOHAIRI TERIMA CEK RM23,000 (Bergambar)

KUALA LUMPUR, 7 Nov (Bernama) -- Keluarga kepada Allahyarham Konst Mohd Zohairi Affendi, anggota polis yang terbunuh dalam kemalangan jalan raya pada 11 Okt lepas di Kuala Lipis, hari ini menerima sumbangan cek bernilai RM23,000 daripada Ketua Polis Negara Tan Sri Rahim Noor.

Cek itu diserahkan kepada ayahnya, Mohammed Yusof, 42, dalam satu upacara ringkas selepas latihan raptai untuk majlis penyerahan panji-panji baru Polis Diraja Malaysia di Pusat Latihan Polis, di sini.

Menurut ayahnya, Allahyarham memang bercita-cita untuk menjadi anggota polis sejak kecil lagi dan selepas tamat latihan beliau bertugas dengan Batalion 14 Pasukan Polis Hutan (PPH) di Tawau, Sabah.

Mohd Zohairi, 22, yang masih bujang meninggal dunia dalam satu kemalangan jalan raya di pekan Kuala Lipis selepas kereta sewa yang dinaiki bersama dengan empat orang lagi terbabas akibat tayar pecah.

Ibunya, Mek Su Zakaria, 42, menitikiskan air mata sepanjang raptai itu yang sepatutnya turut disertai oleh anak sulung kesayangannya itu.

Seramai 2,300 anggota dan pegawai yang diketuai Pegawai Pemerintah ACP Mohd Sabtu Osman akan mengambil bahagian dalam raptai pada Selasa depan yang akan dihadiri oleh Yang Di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad -- BERNAMA

SLR RHM